

Rumah Ditelan Bah

Oleh: Nadzirah Hussin, 1180177

Hulu Langat: Sebanyak 150 buah rumah di Kampung Sungai Serai dilanda banjir akibat hujan lebat yang berterusan awal pagi semalam.

Ketua Kampung Sungai Serai, Zainuddin Mohd Tasar, 60 berkata, hujan lebat bermula tengah malam tadi berpanjangan sehingga awal pagi menyebabkan paras air sungai naik melebihi hadnya.

“Paras air naik melebihi 12 kaki (empat meter) menyebabkan bilangan rumah yang ditenggelami air banjir meningkat mendadak berbanding sebelum ini,” katanya ketika dihubungi semalam.



Keadaan perumahan di Hulu Langat ketika kejadian banjir berlaku

Beliau berkata, antara kampung yang dilanda banjir membabitkan Kampung Batu 14, Kampung Batu 16, Kampung Sungai Serai, Kampung Dusun Nanding, Kampung Sungai Lui dan sekitarnya.

“Selain itu, agensi lain yang terlibat seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), dan LSM turut turun padang menyelamatkan beberapa mangsa yang terperangkap sebelum dipindahkan ke Pusat Penduduk Sementara (PPS) dan Sekolah Kebangsaan Sungai Serai bagi menjamin keselamatan mereka,” katanya.



Antara rumah mangsa yang terkesan akibat banjir tersebut

Salah seorang mangsa banjir, Izzat Izzuddin, 21 berkata ketika kejadian itu mereka sekeluarga sedang lena tidur sebelum menyedari rumah mereka telah dimasuki air kira-kira jam 4 pagi.

“Ketika itu, kami sekeluarga sangat panik apabila air telah mencecah hingga ke paras kaki sehingga kami tidak sempat mengalihkan barang berharga ke tempat yang selamat,” katanya.

Seorang lagi mangsa banjir di kawasan berkenaan, Syahmi Izzat, 22, berkata ketika kejadian itu, dia bergegas keluar rumah dan melihat penduduk kampung sedang sibuk mengalihkan barang mereka kira-kira jam 6 pagi.

“Air deras meningkat hampir paras dada kami dan kami mengambil keputusan menyelamatkan ahli keluarga terlebih dahulu,” katanya ketika dihubungi, semalam.